

Lampiran II

**TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN/ JPN/ BAHAGIAN
DALAM PERMOHONAN PEMANGKUAN KE GRED DG42
SECARA KHAS UNTUK PENYANDANG (KUP) URUSAN TAHUN 2019**

1. **Memaklumkan kepada semua PPP** mengenai urusan pemangkuan ke Gred DG42 (KUP) Tahun 2019 di bawah penyeliaan masing-masing.
2. **Menyemak dan memuat naik dokumen-dokumen yang telah dikemukakan oleh PPP** serta memastikan dokumen tersebut telah **diakui sah, betul, benar dan tepat**:
 - (i) salinan ijazah/ surat pengesahan bergraduat/ salinan transkrip akademik;
 - (ii) salinan surat tawaran mengikuti pengajian dari Bahagian Pendidikan Guru (BPG)/ surat tawaran kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT);
 - (iii) salinan surat kebenaran belajar oleh Ketua Jabatan; dan
 - (iv) sijil pengiktirafan kelayakan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi ijazah yang diperolehi.
3. **Menyemak maklumat pengiktirafan kelayakan ijazah PPP** melalui laman sesawang MQA dan memastikan nombor rujukan pengiktirafan MQA dalam sijil MQA yang dikemukakan oleh PPP adalah **tepat mengikut ijazah yang diperolehi sebelum mengemas kini nombor rujukan MQA dalam ePangkat**.
4. **Mengemas kini maklumat peribadi, prestasi dan perkhidmatan PPP** yang memohon di dalam **Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK), HRMIS, eOperasi dan ePangkat**. Maklumat perkhidmatan di dalam sistem HRMIS, eOperasi dan ePangkat mestilah terkini, tepat dan sama dengan catatan dalam BPK.
5. **Memuat naik halaman BPK dan dokumen-dokumen yang ditetapkan** bagi urusan pemangkuan ke Gred DG42 (KUP) ke dalam Halaman Pertama, Halaman Penting dan Halaman Terkini di dalam ePangkat (Halaman Buku Perkhidmatan Kerajaan):

	Urusan Pemangkuan / Kenaikan Pangkat	Halaman yang Perlu Dimuat Naik
** HALAMAN PERTAMA	DG29 hingga DG42 (TBBK dan DG42)	1. Pengesahan Pelantikan DG29 daripada SPP 2. Pengesahan Dalam Perkhidmatan DG29
	• (TARIKH LANTIKAN GSST / GSTT / SEMENTARA TIDAK DIAMBILKIRA BAGI TUJUAN KENAIKAN PANGKAT)	
** HALAMAN PENTING	DG29 ke DG32 / DG42	Surat Pengesahan Dalam Perkhidmatan DG29
	DG32 ke DG34 / DG42	Surat Kenaikan Pangkat DG32
	DG34 ke DG38 / DG42	Surat Kenaikan Pangkat DG34
	DG38 ke DG42	Surat Kenaikan Pangkat DG38
** HALAMAN TERKINI	Halaman terakhir TERKINI yang dikemas kini dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK)	

NOTA: SILA PASTIKAN NAMA DAN NO KAD PENGENALAN PPP YANG TERLIBAT DINYATAKAN DI DALAM SALINAN BPK YANG DIMUAT NAIK ADALAH KEPUNYAAN CALON YANG BETUL. KEMENTERIAN TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS SEBARANG MASALAH PERAKUAN YANG TIDAK DIPERAKU DISEBABKAN PERCANGGAHAN MAKLUMAT DARI KETUA JABATAN

PERINGATAN: KEMENTERIAN TIDAK AKAN MEMPROSES PERMOHONAN CALON YANG TIDAK MEMUAT NAIK HALAMAN SEPERTI TERCATAT DALAM NOTA DI ATAS

6. **Meminta PPP** membuat permohonan sendiri setelah dokumen-dokumen berkaitan dimuat naik dan maklumat perkhidmatan serta prestasi dikemas kini.
7. **Memastikan** hanya permohonan yang memenuhi syarat umum dan syarat khusus pemangkuan ke Gred DG42 (KUP) serta memuat naik dokumen di para 2(i) – (iv) yang diakui sah, betul, benar dan tepat sahaja diprakukan.

PERINGATAN:

- **SEBELUM MEMBUAT PERAKUAN, KETUA JABATAN DAN JPN/ BAHAGIAN PERLU MEMASTIKAN MAKLUMAT/ DOKUMEN YANG DIKEMUKAKAN/ DIMUAT NAIK ADALAH BENAR, TEPAT DAN TERATUR. SEKIRANYA BERLAKU KESILAPAN YANG BOLEH DIKATEGORIKAN SEBAGAI TIDAK JUJUR ATAU TIDAK AMANAH, TIDAK BERTANGGUNGJAWAB DAN CUI DALAM MELAKSANAKAN TUGAS YANG MEMPENGARUHI KEPUTUSAN LEMBAGA KENAIKAN PANGKAT PERKHIDMATAN PELAJARAN, KETUA JABATAN, JPN/ BAHAGIAN BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993.**
- **PEMOHON, JPN/ BAHAGIAN DAN KETUA JABATAN HENDAKLAH BERTANGGUNGJAWAB SEPENUHNYA TERHADAP SEBARANG KELEWATAN ATAU KECICIRAN YANG BERLAKU DI PERINGKAT MASING-MASING. PERAKUAN YANG DITERIMA SELEPAS TARIKH TUTUP/ TIDAK LENGKAP/ MENGANDUNGI FAKTA YANG PALSU, TIDAK AKAN DIPROSES.**